



AKTA SYARIKAT (PINDAAN) 2024

SOALAN-SOALAN LAZIM

POLISI 2 :MEMPERKUKUHKAN KERANGKA REHABILITASI KORPORAT

(A) Penambahbaikan peruntukan-peruntukan berkaitan skim perkiraan atau kompromi (SPK)

Apakah kepentingan peranan pengamal insolvensi dalam SPK di bawah Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) 2023?

Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) 2023 ini memperkenalkan polisi baharu melalui pindaan kepada seksyen 367 bahawa pelantikan pengamal insolvensi adalah mandatori apabila syarikat yang mencadangkan SPK membuat permohonan yang melibatkan pembiayaan penyelamat, *cram down*, kelulusan skim yang dicadangkan tanpa mesyuarat pembiutang atau apabila syarikat berkaitan membuat permohonan untuk perintah halangan berhubung dengan skim yang dicadangkan.

Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) 2023 ini menekankan kepentingan peranan pengamal insolvensi untuk menyelia skim yang dicadangkan dan melaporkan statusnya kepada Mahkamah sebelum skim itu diluluskan. Ini adalah untuk memastikan peluang yang lebih tinggi untuk skim yang dicadangkan untuk berjaya.